

Membela mangsa bawah umur

■ Pindaan Kanun Keseksaan beri hukuman setimpal dengan jenayah rogol dilakukan



KAFE AHAD

Oleh Meor Ridwan Meor Ahmad
mridwan@hmetro.com.my

Kegiatan rogol boleh dikatakan sentiasa mengisi laporan media saban hari. Dilaporkan bukan saja kes rogol biasa, malah dalam kebanyakan kes, ada mangsa diperlakukan kejam apabila menjadi mangsa rogol berkumpulan, malah ada yang dibunuh dengan kejam dan ditanam di dalam hutan.

Hal ini mencetus kebimbangan pelbagai pihak bagaimana untuk menanganinya daripada terus membarah di dalam masyarakat di negara ini. Justeru dalam memperhalusi hal ini, turut dipersoalkan adakah peruntukan undang-undang Kanun Keseksaan khusus bagi kesalahan rogol masih tidak memadai untuk memberi pengajaran berguna kepada pesalah mahupun orang ramai daripada melakukan kesalahan sama.

Ini kerana, biarpun banyak laporan mengenai hukuman berat dikenakan terhadap pesalah rogol, jenayah ini terus berlaku. Malah, laporan kes rogol di Sarawak baru-baru ini, terus membangkitkan keresahan pelbagai pihak apabila tertuduh dalam kes berkenaan dilepaskan dan dibebaskan daripada sabitan oleh mahkamah.

Sehubungan itu, pelbagai pihak termasuk Kementerian Pembangunan Warita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan berkaitan wanita berharap pindaan undang-undang Seksyen 375 Kanun Keseksaan segera dibentangkan dan diluluskan Parlimen.

Kafe Ahad mendapatkan Pensyarah Kanan Undang-Undang Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli untuk berkongsi pendapat beliau sejauh mana relevan pindaan ini yang diharap dapat mem-



bantu mengurangkan jenayah rogol di negara ini.

Soalan (S): Kerajaan menerusi KPWK bercadang meminda Seksyen 375 Kanun Keseksaan iaitu berkaitan jenayah rogol membabitkan mangsa remaja bawah umur. Apa pandangan Dr mengenai perkara ini?

Jawapan (J): Saya berpendapat pindaan ini baik untuk menjaga kepentingan

mangsa remaja bawah umur. Kanun Keseksaan adalah undang-undang tinggala kerajaan Britain yang digubal berdasarkan Kanun Keseksaan India yang wujud sejak zaman penjajahan lagi.

Ciri-ciri jenayah dan pelaku jenayah ketika itu mungkin tidak sekompleks atau serumit sekarang. Kemajuan teknologi dan kemudahan Internet yang ada sekarang memungkinan

pesalah perilaku seks memperoleh akses kepada bahan seks terlarang dengan mudah.

Ini menyebabkan mereka (pesalah perilaku seks) melakukan jenayah rogol dalam bentuk di luar imaginasi kita. Pindaan perlu untuk memastikan undang-undang berkaitan jenayah rogol bermula dengan keadaan sekarang ini bagi melindungi gadis bawah umur.

Rogol membabitkan mangsa remaja bawah umur kebiasaannya membabitkan perlakuan seks secara sukarela, dalam erti kata lain berzina. Terkadang, sebagai seorang Muslim, saya berpendapat undang-undang hudud boleh terpakai dalam konteks ini. Hukumannya yang berat bagi jenayah zina - 100 kali sebatan (bagi pelaku yang belum berkahwin) - boleh menyekat masyarakat daripada melakukan perbuatan terkutuk ini. Namun, ini adalah isu berlain kerana undang-undang hudud belum terpakai di Malaysia dan saya tidak berniat berbicara mengenai hudud secara lebih mendalam.

S: Berdasarkan pindaan Seksyen 375 Kanun Keseksaan, apakah tafsiran baru bagi kesalahan rogol?

J: Sehingga Februari 2013, Kanun Keseksaan, menerusi Seksyen 375 memberi tafsiran jenayah rogol berlaku apabila seseorang lelaki melakukan hubungan seks dengan seorang perempuan tanpa kerelaannya atau dengan kerelaannya tapi atas pelbagai faktor seperti ugutan, penipuan, kedudukan lelaki atau perempuan di bawah umur 16 tahun.

Dalam konteks perbincangan sekarang, subseksyen paling relevan ialah subseksyen (g), iaitu berkenaan rogol berkanun. Rogol berkanun berlaku apabila seseorang lelaki melakukan hubungan seks dengan mana-mana perempuan berumur bawah 16 tahun dengan atau tanpa kerelaannya.

Seksyen 375 juga menjelaskan, perbuatan rogol adalah lengkap jika berlaku penetrasi atau tusukan, tetapi Kanun Keseksaan tidak menerangkan tusukan ini dalam bentuk apa. Pindaan yang ingin dilakukan sekarang adalah untuk menjelaskan tusukan ini bukan hanya bermaksud tusukan menggunakan alat kelamin, tetapi ia termasuk apa jua jenis tusukan dengan menggunakan sebarang alat atau kaedah sekalipun.

S: Adakah pindaan itu perlu diperhalusi dengan merangkumi perlakuan tidak senonoh dan kelucahan melampau?

J: Ya, seperti saya jelaskan awal tadi, kemajuan teknologi menyebabkan bahan lucah sekarang sangat mudah diperoleh menerusi Internet. Pendedahan kepada bahan lucah ini menyebabkan pesalah laku seks mengalami ketagihan dan mula mencuba sesuatu yang baru atau mencipta inovasi dalam keinginan seksnya dan ini termasuk perlakuan tidak senonoh dan kelucahan melampau bagi memenuhi nafsu ganas mereka. Oleh itu, pindaan ini perlu diperhalusi bagi mengekang penularan aktiviti tidak sihat ini.

S: Merajuk kes rogol di Sarawak baru-baru ini apabila pesalahnya dibebaskan daripada jenayah itu walaupun mengaku bersalah, apakah wujud kelompangan dalam peruntukan undang-undang sedia ada sehingga memberi ruang kepada orang kena tuduh (OKT) terlepas?

J: Kanun Keseksaan adalah undang-undang buatan manusia, ia tidak akan terlepas daripada sebarang kelompangan dan kelemahan. Seperti saya jelaskan awal-awal tadi, Kanun Keseksaan, menerusi Seksyen 375 tidak menjelaskan dengan terperinci maksud 'penetrasi' berkenaan.

Dalam kes rogol baru-baru ini yang membabitkan OKT bernama Bunya Jalong di Sarawak, dia memang membuat pengakuan melakukan hubungan kelamin dengan seorang gadis bawah umur. Namun, pendakwa gagal membuktikan berlaku penetrasi (elemen utama dalam jenayah rogol).

Dalam kes ini, penetrasi yang berlaku adalah melalui tusukan jari dan mangsa rogol kemudian mengandungi kuman kesan tompokan mani yang ada pada jari lelaki itu yang ditusuk ke dalam alat kelaminnya.

Oleh itu, mahkamah enggan mensabitkan OKT bersalah dalam kes ini. Jadi kes ini membuktikan memang wujud kelompangan pada undang-undang sedia ada untuk melindungi kepentingan gadis bawah umur daripada menjadi mangsa rogol.

Takrifan 'rogol' perlu diperluaskan, terutama dengan memberi penjelasan terperinci kepada maksud 'tusukan' atau 'penetrasi' seperti yang ada dalam Seksyen 375 Kanun Keseksaan.

S: Difahamkan, KPWK turut berbincang dengan pegawai Kementerian Kesihatan untuk mencadangkan pindaan Kanun Keseksaan berhubung definisi rogol. Apakah perkara

lain yang perlu dimasukkan untuk menjaga kepentingan dan masa depan pihak terbabit, terutama mangsa?

J: Saya berpendapat selain definisi rogol itu sendiri, umur gadis bawah umur patut dipertingkatkan kepada 'bawah 18 tahun'. Umum mengetahui gadis remaja sangat mudah terpengaruh dengan 'pujukan' lelaki, terutama yang kurang mendapat kasih sayang daripada keluarga masing-masing.

Dengan meningkatkan umur daripada 'bawah 16 tahun' kepada 'bawah 18 tahun', sedikit sebanyak dapat melindungi kepentingan golongan ini daripada terjebak dan menjadi mangsa dalam jenayah rogol.

S: Berkaitan kes kanak-kanak menjadi mangsa penderaan seksual, termasuk membabitkan ibu bapa atau penjaga dan anggota keluarga, apakah bantuan dan sokongan yang perlu diberi kepada mereka?

J: Secara keseluruhannya, saya berpendapat kebanyakan rakyat Malaysia hidup di dalam keluarga yang stabil dan bahagia. Namun, ada juga kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan terbabit dalam kes penderaan seksual.

Selain undang-undang sedia ada seperti di dalam Seksyen 376B Kanun Keseksaan (kesalahan sumbang mahram) dan Seksyen 17(1) Akta Kanak-kanak (bagi kesalahan penderaan kanak-kanak) bagi menghukum pesalah yang terbabit dalam perilaku jenayah ini, saya fikir adalah baik sokongan dari segi kaunseling agama dan dokongan moral diberi kepada mangsa kes sebegini.

Saya berpendapat KPWK melaksanakan banyak inisiatif bagi membantu mangsa dan perlu terus mendekati diri dengan golongan teraniaya ini bagi membela nasib mereka. Keluarga stabil dan bahagia melahirkan rakyat yang sihat, produktif dan berdaya saing - sumber manusia berkualiti sangat penting untuk memacu negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

S: Sejauh mana keseriusan kes rogol di negara ini dan apakah cara untuk mengatasi gejala berkenaan?

J: Ada laporan akhbar menyatakan, secara statistik, enam individu dirogol di negara ini setiap hari. Bilangan kes rogol juga diktakan meningkat setiap tahun bermula 2003 sehingga sekarang. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan kes rogol adalah serius di Malaysia.

Cara terbaik bagi mengatasi gejala ini adalah dengan memberi pendedahan pendidikan seks mengenai bahaya seks rambang dan juga menerusi pendidikan agama yang berterusan. Hukuman bagi kes rogol di dalam Kanun Keseksaan juga patut dikekalkan, jika tidak dibebaskan dengan memberi penalti maksimum.

S: Apakah cara terbaik untuk memastikan cadangan pindaan ini diluluskan?

J: Cara terbaik bagi memastikan pindaan ini berjaya adalah dengan cara KPWK mengadakan 'engagement' dengan Jabatan Peguam Negara dan agensi kerajaan berkaitan serta dengan Majlis Peguam bagi mendapatkan sokongan bagi tujuan pindaan ini. KPWK juga perlu mendapatkan nasihat guaman bagi menentukan cara terbaik untuk melakukan pindaan ini supaya ia efektif dan membantu dalam usaha kerajaan menurunkan kes rogol berkanun.

S: Apakah reaksi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung cadangan Kementerian untuk pindaan seksyen ini?

J: Yang saya faham setakat ini, pihak NGO memberi maklum balas positif mengenai pindaan ini, terutama NGO Sarawak kerana kes Bunya Jalong (membabitkan kes rogol berkanun yang mana OKT disabitkan tidak bersalah) berasal dari Sarawak.

S: Di sebalik pindaan seksyen ini, perkara utama adalah memastikan kefahaman masyarakat mengenai objektif supaya akta ini dipinda?

J: Ya, saya bersetuju. Masyarakat perlu didedahkan kepada sebab pindaan ini dilakukan - dengan jenayah rogol yang makin meningkat, kita perlu meminda Kanun Keseksaan untuk terus melindungi kemashlahatan dan kebajikan mangsa.

S: Ada antara mangsa rogol turut dibunuh dengan kejam hingga meninggalkan kesan trauma teruk kepada ahli keluarga mereka. Komen Dr?

J: Ini perkembangan yang tidak baik. Saya percaya Seksyen 302 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman berat bagi kesalahan jenayah bunuh.

Walaupun begitu, memang benar ahli keluarga mangsa akan terus mengalami trauma. Di sini KPWK dan agensi kerajaan yang berkaitan dapat membantu meringankan beban keluarga mangsa dengan terus menerusi sokongan moral dan bantuan dari segi kaunseling.

Mungkin juga undang-undang Islam Qisas (bagi kesalahan bunuh) boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di Malaysia barangkali bagi menggantikan peruntukan Kanun Keseksaan? Hukuman Qisas membenarkan ahli keluarga mangsa sendiri melaksanakan hukuman mati kepada pelaku jenayah, tidak seperti sistem yang terpakai sekarang.

S: Bagaimana masa depan anak mangsa rogol bawah umur atau sumbang mahram?

J: Mereka pasti mengalami trauma dan kemurungan dalam jangka masa lama kerana perkara ini bukan plesian atau kecil. Psikologi mereka pasti terkesan akibat perilaku jenayah ini, tidak kira mangsa rogol/sumbang mahram atau anak mangsa rogol/sumbang mahram.

Namun, adalah tidak adil untuk mengatakan tiada masa depan cerah untuk mereka. Walaupun memang masyarakat kita mempunyai stigma terhadap anak mangsa rogol atau sumbang mahram, melalui pendedahan dan maklumat secukupnya pada masyarakat, stigma ini mungkin boleh dikurangkan, jika tidak dapat dihapuskan secara menyeluruh.

Saya juga percaya Malaysia kini melangkah menuju ke status negara maju. Ini secara tidak langsung memberi isyarat yang masyarakat Malaysia juga akan lebih terdidik. Oleh itu, saya dapat merasakan anak mangsa rogol atau sumbang mahram akan diterima baik masyarakat dan berpeluang mempunyai masa depan cerah selayaknya seperti rakyat Malaysia yang lainnya.

S: Ada cadangan untuk memberi pampasan kepada mangsa rogol ini. Apa pandangan Dr?

J: Walaupun pampasan ini tidak dapat memutarakan semula waktu, saya berpendapat ini sedikit sebanyak dapat mengubati mangsa. Ini yang dilakukan pihak Jepun bagi memohon kemaafan di atas kekejaman mereka sewaktu Perang Dunia Kedua apabila menguasai Asia Tenggara pada 1942 hingga 1945.

Tentera Jepun dengan rakus merogol dan memperkosa ramai wanita di negara jajahan mereka dan setelah tewas dalam perang, Jepun menjadi negara yang 'diperbaharui' (reformed) serta mengamalkan hubungan baik dengan semua negara di dunia.

Sebagai tanda setia kawan dan perikemanusiaan, mereka membayar ganti rugi. Saya bersetuju dengan cadangan ini. Pampasan setimpal ini harus ditentukan oleh mahkamah secara adil dan saksama.